



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

PROJEK MENAIKTARAF JALAN UMS DAN JALAN SEPANGGAR BAKAL MEMBERIKAN PEMANDUAN SELESA DAN SELAMAT KEPADА PENGGUNA JALANRAYA

KOTA KINABALU, SABAH – Pengguna jalanraya di sepanjang Jalan UMS dan Jalan Sepanggar, Kota Kinabalu bakal menikmati pengalaman pemanduan yang lebih selesa dan selamat apabila laluan tersebut siap dinaiktaraf pada Januari tahun 2022. Pada masa kini, kesesakan aliran trafik laluan ini mencapai Level of Service (LOS) tahap F iaitu tahap tertinggi di empat persimpangan yang terdapat di sepanjang laluan tersebut. Hasil bancian pada tahun 2016 selama 12 jam mendapat jumlah kenderaan yang melalui laluan tersebut untuk kedua-dua hala adalah sebanyak 56 ribu kenderaan.

Bagi meninjau kemajuan kerja Projek Menaiktaraf Jalan ini, satu lawatan kerja oleh Menteri Kanan Kerja Raya Malaysia, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah diadakan. Status kemajuan fizikal terkini projek menaiktaraf ini adalah 50.68%. Projek yang bernilai RM357 juta ini melibatkan pelebaran jalan sedia ada daripada 4 lorong 2 hala kepada 6 lorong 2 hala sepanjang 8.1 kilometer (Jalan UMS - 7.1 kilometer dan Jalan Sepanggar - 1 kilometer). Skop kerja lain adalah membina empat persimpangan bertingkat iaitu Persimpangan Jalan Kingfisher, Persimpangan Jalan UMS, Persimpangan Rampayan dan Persimpangan Jalan Sepanggar, pembinaan dua buah jambatan di Sungai Rampayan dan Sungai Gudon.

Projek yang diluluskan pada tahun 2017 sewaktu Rancangan Malaysia Ke-11 ini merupakan projek pertama di Sabah yang menggunakan kaedah Segmental Box Girder (SBG). Kaedah ini digunakan untuk pembinaan tiga daripada empat persimpangannya. Justeru, satu lawatan kerja ke kilang penghasilan SBG turut diadakan oleh Menteri Kanan Kerja Raya. Kilang ini dibina berdekatan Persimpangan Rampayan di atas tanah berkeluasan lapan ekar. Kilang ini mempunyai empat acuan SBG untuk menghasilkan 610 unit SBG sepanjang tempoh projek dilaksanakan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
11 SEPTEMBER 2020

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

¶ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | ¶ : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my